

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta **Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan** menyatakan keadaan laporan keluhan dan laporan pengguna yang mendakwa harga barangan di pasaran naik sedangkan Kementerian mengumumkan sebaliknya iaitu bagi tempoh Julai 2014 hingga Januari 2015, 25 jenis barangan yang terdiri dari bahan mentah, bahan masakan dan peralatan kebersihan diri mengalami penurunan harga dari 1% hingga 18%.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Seperti mana kita sedia maklum, sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi pasaran bebas yang lebih hampir kepada sistem ekonomi campuran. Dalam konteks ekonomi bebas, pengaruh pasaran (*market force*) memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Selain daripada harga minyak, harga barangan di pasaran ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan dan sebagainya. Oleh yang demikian, boleh dikatakan penetapan harga juga adalah berbeza di antara satu sama lain yang menyumbang kepada *trend* turun naik harga barang. Namun, Kerajaan masih mempunyai kuasa kawalan dalam aspek tertentu, antaranya memastikan bekalan barang barang keperluan mencukupi dengan harga berpatutan.

Pada setiap tahun, Kementerian akan menerima pelbagai aduan yang berkaitan perkhidmatan, penipuan transaksi internet, jualan bahan petroleum serta tiada tanda harga. Sepanjang tempoh bulan Julai 2014 hingga Januari 2015, Kementerian telah menerima sebanyak 1,104 aduan di bawah kategori penipuan harga di seluruh negara. Kementerian sentiasa menggalakkan pengguna memberi kerjasama dengan melaporkan aduan kepada Kementerian sekiranya peniaga-peniaga menaikkan harga yang tinggi, tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan dan sebagainya bagi membolehkan Kementerian membuat siasatan dan tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Kementerian antaranya seperti berikut:

- i) **Melaksanakan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui operasi penguatkuasaan** ke atas keseluruhan rantaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara untuk menangani kenaikan harga barang dan caj bagi perkhidmatan yang tidak berpatutan dalam pasaran melalui **OPS CATUT** yang telah berkuatkuasa pada **15 Januari 2015**.
- ii) **Menguatkuasakan tindakan yang tegas melalui pengeluaran Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Notis ini mewajibkan peniaga mengemukakan penjelasan dan maklumat mengenai kenaikan harga dan ini merupakan satu langkah pengawalan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan memanipulasikan harga. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini;
- iii) Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** (sebagai satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan. Skim ini dilaksanakan bagi musim perayaan semasa Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas.
- iv) **Kerajaan juga mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga** ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah **Perintah Kawalan Harga**

**(Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993.** Dengan ini, pengguna boleh mendapat maklumat harga sebelum membeli sesuatu barang.

Sebagai kesimpulannya, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif tertentu dalam pengawalan harga barangan tertentu bagi mengurangkan beban kos sara hidup demi kesejahteraan rakyat. Usaha-usaha yang berterusan begini bukanlah bermakna semua barangan dikawal oleh Kerajaan. Ini bermakna pada setiap masa ada barangan yang akan naik dan sebaliknya ada harga barangan yang akan turun dan ini selaras dengan sistem ekonomi pasaran bebas atau terbuka yang diamalkan di negara ini. Yang penting kerjasama dan kebijaksanaan pengguna menggunakan hak mereka sebagai kuasa pengguna sewajarnya.